



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PERUBAHAN KOGNITIF DAN TINGKAT INTERAKSI  
PENONTON DENGAN DRAMA MELAYU DI TELEVISYEN:  
ANALISIS DRAMA 'JUTA WAN SEGERA'**

**JUSANG B. BOLONG**

**FEM 1998 2**

**PERUBAHAN KOGNITIF DAN TINGKAT INTERAKSI  
PENONTON DENGAN DRAMA MELAYU DI TELEVISYEN:  
ANALISIS DRAMA 'JUTAWAN SEGERA'**

**JUSANG B. BOLONG**

**MASTER SAINS  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**1998**



**PERUBAHAN KOGNITIF DAN TINGKAT INTERAKSI  
PENONTON DENGAN DRAMA MELAYU DI TELEVISYEN:  
ANALISIS DRAMA 'JUTAWAN SEGERA'**

**OLEH**

**JUSANG B. BOLONG**

**Tesis yang Dikemukakan Untuk Memenuhi Sebagian  
Daripada Syarat Bagi Mendapatkan Ijazah Master Sains  
di Fakultas Ekologi Manusia**

**Mei 1998**



## PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurniaNya tesis ini dapat disempurnakan. Penyelidik mengucapkan setinggi penghargaan kepada Dr. Saodah Wok selaku penasihat dan pengerusi jawatankuasa penyeliaan tesis atas kesungguhan dan kesabaran beliau membimbing, menasihati dan memberi tunjuk ajar sehingga kajian ini berjaya.

Penghargaan juga ditujukan kepada Dr. Ezhar Tamam dan Prof. Madya Dr. Naim Hj. Ahmad atas teguran dan pemeriksaan draf awal tesis ini. Tidak lupa juga kepada semua pensyarah dan kakitangan di Jabatan Komunikasi yang begitu dedikasi menyumbangkan pengetahuan komunikasi kepada saya.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa memberi semangat kepada saya untuk terus menimba ilmu. Terima kasih juga kepada pelajar-pelajar Institut Pertanian Serdang, pelajar-pelajar Akademi Seni Kebangsaan dan pelajar-pelajar Universiti Putra Malaysia yang sudi menjadi responden kajian ini.

Akhir sekali, kepada ayah, ibu dan seisi keluarga yang sanggup menanti kejayaan saya, diucapkan salam kesyukuran. Terima kasih juga kepada Noormaziah Yaacob yang menjadi sebahagian daripada inspirasi kajian ini.



Semoga bantuan dan pengorbanan yang telah dicurahkan kepada saya oleh semua yang terlibat dalam kajian ini, mendapat ganjaran yang setimpal daripada Allah SWT. Selamat Maju Jaya.

## KANDUNGAN

	<b>Muka surat</b>
PENGHARGAAN .....	ii
SENARAI JADUAL .....	vii
SENARAI RAJAH .....	viii
ABSTRAK .....	ix
ABSTRACT .....	xi
<b>BAB</b>	
1	
PENGENALAN.....	1
Perkembangan Media Elektronik di Malaysia.....	1
Kenyataan Masalah .....	7
Objektif Kajian .....	9
Kepentingan Kajian .....	9
Limitasi Kajian .....	10
Peristilahan .....	11
2	
SOROTAN BAHAN BERTULIS .....	13
Media Massa: Fungsi dan Kesannya .....	13
Televisyen: Peranan dan Kesannya .....	16
Drama Melayu: Takrif, Elemen dan Peranan .....	22
Penonton dan Tingkat Interaksinya dengan Drama di Televisyen .....	26

	Perubahan Kognitif: Hubungannya dengan Mesej, Konsep dan Perubahan Imej.....	30
	Hubungan Drama TV dengan Perubahan Kognitif Sebagai Satu Kesan Media .....	39
	Rangka Konsep Kajian .....	46
	Hipotesis Kajian .....	47
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN .....</b>	<b>49</b>
	Rekabentuk Kajian .....	49
	Lokasi Kajian .....	53
	Persampelan dan Responden Kajian .....	53
	Proses Pengumpulan Data .....	56
	Instrumen Kajian .....	56
	Prauji .....	63
	Prosedur Pengumpulan Data .....	63
	Analisis Kandungan .....	66
	Pemerhatian Ikut Serta .....	67
	Ralat Proses Pengumpulan Data .....	68
	Operasional Angkubah .....	69
	Tingkat Interaksi Penonton dengan Drama Melayu ....	70
	Perubahan Kognitif .....	74
	Analisis Data .....	77
<b>4</b>	<b>HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN .....</b>	<b>79</b>
	Tingkat Interaksi Penonton dengan Drama Jutawan Segera .....	79
	Perubahan Kognitif .....	87

	Hubungan Perubahan Kognitif dengan Tingkat Interaksi Penonton dengan Drama Jutawan Segera.....	93
5	KESIMPULAN HASIL KAJIAN DAN CADANGAN .....	98
	Ringkasan .....	98
	Kenyataan Masalah .....	98
	Objektif Kajian .....	99
	Hipotesis Kajian .....	100
	Kesimpulan Hasil Kajian.....	100
	Implikasi Kajian.....	102
	Cadangan Kajian.....	105
	BIBLIOGRAFI .....	108
	LAMPIRAN	
	A1-A7 Jadual-jadual Berkaitan dengan Hasil Kajian.....	111
	B1-B2 Borang Soal Selidik .....	127
	VITA .....	143



## SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Perkembangan Tema-tema Drama Melayu Di Televisyen Malaysia .....	5
2	Nilai Ujian Berpasangan Wilcoxon-Signed Rank Mengikut Ciri-ciri Responden .....	55
3	Tingkat Interaksi Mengikut Kategori .....	73
4	Skor bagi Tingkat Interaksi .....	73
5	Taburan Responden Kumpulan Eksperimen Mengikut Tingkat Interaksi Penonton dengan Drama Jutawan Segera .....	80
6	Taburan Responden Kumpulan Eksperimen Mengikut Tahap Daya Ingatan .....	85
7	Taburan Responden Kumpulan Eksperimen Mengikut Hubungan Interpersonal .....	87
8	Nilai Ujian Berpasangan Wilcoxon-Signed Rank Terhadap Perubahan Kognitif Kumpulan Rawatan Sebelum dan Selepas Ujian .....	90
9	Nilai Ujian Korelasi Perubahan Kognitif dengan Tingkat Interaksi .....	95
10	Nilai Ujian Korelasi Tingkat Interaksi dengan Perubahan Kognitif bagi Darjah Ketepatan Imej Sikap dan Pemikiran .....	96

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Muka Surat</b>
1	Perubahan Kognitif: Hubungannya dengan Mesej dan Imej .....	39
2	Masyarakat, Media dan Khalayak: Hubungan Resiprokal Timbalbalik.....	41
3	Hubungan Drama TV dengan Perubahan Kognitif .....	45
4	Hubungan Perubahan Kognitif dengan Tingkat Interaksi Penonton dengan Drama Melayu .....	47
5	Rekabentuk Kajian .....	51
6	Pengoperasian Rekabentuk Kajian .....	52
7	Pengukuran Perubahan Kognitif .....	76
8	Analisis Naratif Mengikut Emosi, Perilaku dan Ucapan Penonton Semasa Menonton Drama Jutawan Segera .....	82

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk mendapatkan Ijazah Master Sains.

**PERUBAHAN KOGNITIF DAN TINGKAT INTERAKSI PENONTON  
DENGAN DRAMA MELAYU DI TELEVISYEN:  
ANALISIS DRAMA 'JUTAWAN SEGERA'**

Oleh

JUSANG B. BOLONG

Mei 1998

Pengerusi: Dr. Saodah Wok

Fakulti: Ekologi Manusia

Kebanyakan drama Melayu kini semakin mengabaikan imej orang Melayu dalam pembentukan identiti bangsa. Ketidaktepatan imej yang dipancarkan melalui drama Melayu merupakan masalah yang perlu dikenalpasti. Persoalannya, adakah imej yang dipaparkan melalui drama Melayu dapat menggugat perubahan kognitif dan apakah hubungannya dengan tingkat interaksi penonton?

Objektif kajian eksperimen ini adalah 1) untuk mengenalpasti tingkat interaksi penonton dengan drama Melayu di televisyen; 2) untuk mengenalpasti perubahan kognitif penonton drama Melayu di televisyen dan; 3) untuk mengenalpasti hubungan di antara perubahan kognitif dengan tingkat interaksi penonton drama Melayu di televisyen.

Kajian ini dijalankan mengikut Rekabentuk Kawalan Prauji dan Postuji. Seramai 40 orang pelajar komunikasi dipilih. Kumpulan rawatan dibahagikan kepada dua, kumpulan kawalan (20 orang) dan kumpulan eksperimen (20 orang). Pembahagian ditentukan secara rawak. Kumpulan eksperimen dipertontonkan dengan Drama Jutawan Segera sebagai rangsangan. Data kajian dikumpulkan menggunakan borang soal selidik prauji dan postuji. Data dianalisis menggunakan Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS) bagi mendapatkan maklumat tentang peratusan, purata, sisihan piawai. Ujian Berpasangan Wilcoxon-Signed Rank dan Ujian Korelasi juga digunakan.

Hasil kajian ialah 1) tingkat interaksi penonton pada tahap menonton, membaca/menginterpretasi dan mengguna adalah tinggi; 2) tidak terdapat perbezaan yang signifikan perubahan kognitif (perubahan darjah ketepatan imej orang Melayu) sebelum dan selepas menonton Drama Jutawan Segera, dan; 3) tingkat interaksi yang tinggi pada tahap menonton, membaca/menginterpretasi dan mengguna tidak meningkatkan perubahan kognitif keseluruhan. Bagaimanapun, peningkatan tahap membaca/menginterpretasi akan menambahkan darjah ketepatan imej pemikiran berbanding peningkatan tahap mengguna.

Pada amnya, dapat dirumuskan bahawa perubahan kognitif (perubahan darjah ketepatan imej orang Melayu berdasarkan Drama Jutawan Segera) tidak bergantung kepada tingkat interaksi penonton.

Abstract of thesis submitted to the Senate of University Putra Malaysia as partial fulfillment of requirements for the degree of Master of Science.

**COGNITIVE CHANGE AND LEVEL OF INTERACTION AMONG THE  
AUDIENCE OF THE MALAY DRAMA ON TELEVISION:  
ANALYSIS OF DRAMA 'JUTAWAN SEGERA'**

By

JUSANG B. BOLONG

May 1998

Chairperson: Dr. Saodah Wok.

Faculty: Human Ecology.

A lot of Malay dramas telecast on television today have neglected the local Malay image, and this has been recognized as a major problem in this study. The problem of the study focuses on whether the image that is shown in the Malay drama shaken the cognitive level of the audience and thus affecting its relationship with the level of their interaction.

The objectives of this experimental study are 1) to find out the level of interaction among the audience of the Malay drama on television, 2) to find out the cognitive change among the audience of the Malay drama on the television, and 3) to find out the relationship between the cognitive change with the level of interaction among the audience of the Malay drama.



The study was based on a Pretest--Posttest Control Group Design. Forty communication students were chosen as respondents in this study. Two treatment groups were the control group and the experimental groups each comprising of 20 students who the experiment groups were randomly allocated to the groups, respectively.

Experimental group was asked to watch the Malay drama entitled *Jutawan Segera* after they had answered the first of questionnaire which a follow up set were administered after watching the program. The data were analyzed using Statistic Package for Social Science (SPSS) for its percentage, mean and standard deviation. Wilcoxon Matched Pair-Signed Rank Test and Correlation Test were also used to observed the change in the cognitive level of the respondents.

The finding shows that 1) the level of audience interaction on seeing, reading (interpreting) and consuming are higher, 2) there is no significant relationship on cognitive change before and after watching a Malay drama (*Jutawan Segera*) and 3) the level of interaction is higher on watching, reading (interpreting) and consuming but does not change the level of audience cognitive as a whole. However, an increase level of reading (interpreting), reinforces the exact image of thought rather than to the level of consuming.

The overall study concludes that the cognitive change (due to the image based on *Jitawan Segera*) does not depend on the level of audience interaction.

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **Perkembangan Media Elektronik di Malaysia**

Era maklumat ditandai dengan perkembangan teknologi komunikasi yang semakin pesat. Di negara barat seperti Amerika dan Eropah, masyarakatnya telah mengalami perubahan corak dalam organisasi sosial, ekonomi dan budaya masyarakatnya. Masyarakat barat tidak lagi bergantung kepada aspek fizikal pertanian, industri ataupun kegiatan kraf, tetapi telah membentuk daya intelektual dan keupayaan masyarakat memproses maklumat. Dalam masyarakat bermaklumat, teknologi komunikasi merupakan komponen utama infrastruktur teknikalnya.

Di Malaysia perkembangan komunikasi massa bermula sejak zaman pemerintahan British lagi. Kemasukan teknologi percetakan, telegrafi, telefon, sinematografi dan penyiaran radio dengan tujuan kepentingan ekonomi, sosial dan politik penjajah telah berlaku. Sebagai contoh, akhbar pertama di Malaysia adalah sebuah akhbar berbahasa Inggeris berjudul *The Prince of Wales Island's Gazette* yang diterbitkan di Pulau Pinang dalam tahun 1805 (Mansor, 1983).





Perkembangan teknologi komunikasi bertambah pesat selepas merdeka bagi memenuhi tujuan pembangunan negara dan mengatur semula masyarakat Malaysia. Pelbagai rancangan diselaraskan dan diubahsuaikan untuk diterimapakai bagi mencerminkan keperluan politik, ekonomi dan sosio-budaya masyarakat tempatan. Sehingga kini, media massa yang terdapat di Malaysia adalah media cetak, radio, televisyen, video, filem dan komputer.

Meninjau perkembangan media elektronik, pada awalnya semua media siaran dimonopoli oleh pihak kerajaan. Siaran radio di Malaysia bermula pada tahun 1923 lagi dan terus berkembang secara menyeluruh pada tahun 1959 apabila ibu pejabat Radio Malaya di Singapura berpindah ke Kuala Lumpur. Pada ketika itu, Radio Malaysia telah melancarkan siarannya dalam empat bahasa utama iaitu Melayu, Cina, Tamil dan Inggeris. Kini, terdapat 18 stesen radio milik kerajaan dan tiga buah stesen radio swasta iaitu Time-Highway Radio, RFM 98.5 dan Radio Bes Johor (New Straits Times, 14 Mei 1996). Manakala Televisyen Malaysia memulakan siarannya sejak 28 Disember 1963. Televisyen juga merupakan alat elektronik yang penting dalam menyebarkan mesej.

Kepentingan media elektronik seperti televisyen dalam membantu pembentukan identiti bangsa merupakan cabaran masa kini dan akan datang. Kepadatan teknologi komunikasi baru memungkinkan pembentukan budaya bangsa terjejas, malah kewujudannya yang tidak dapat disekat itu membolehkan imperialisme budaya berlaku. Imperialisme budaya dapat dikaitkan dengan

kandungan program yang disiarkan melalui televisyen. Keadaan ini membimbangkan kerana pemilikan televisyen oleh masyarakat semakin meningkat. Zamree (1997) mendapati bahawa pada tahun 1996 saja negara mengeluarkan sejumlah 9 juta peti televisyen. Jika jumlah ini dibahagikan secara puratanya setiap keluarga akan memperolehi 2 peti televisyen. Laporan *Servey Malaysia Research* (1994) menjelaskan siaran televisyen dapat diterima oleh 85 peratus daripada populasi dewasa rakyat di negara ini. Ini menggambarkan televisyen merupakan media elektronik yang penting dalam penyebaran maklumat atau mesej-mesej penting daripada sesebuah organisasi kepada rakyat.

Satu daripada rancangan kerajaan untuk membendung imperialisme budaya adalah menyiarkan 80 peratus rancangan tempatan. Susulan itu, siaran drama Melayu merupakan program yang mendapat perhatian pihak pengamal media. Drama dapat menyalurkan imej-imej budaya bangsa melalui tema-tema yang menarik dan mengikut perkembangan semasa.

Drama Melayu di televisyen Malaysia merupakan satu ciri yang dapat menggambarkan citra budaya bangsa. Pada awal tahun 60-an Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) merupakan pengeluar aktif rancangan drama Melayu sehingga akhir tahun 1990-an. Bagaimanapun, kini kebanyakan drama Melayu yang disiarkan oleh televisyen Malaysia sama ada oleh RTM, TV3 dan MetroVision merupakan drama-drama yang diterbitkan oleh penerbit-penerbit swasta seperti Konsortium Keris Motion, Home Video Distributor (HVD) dan

Grand Brilliance Sdn. Bhd. atau penerbit-penerbit persendirian. Pengswastaan penerbitan rancangan drama oleh pihak Kementerian Penerangan telah merencanakan lagi siaran drama Melayu di televisyen.

Dari segi mesej penyiaran drama Melayu di televisyen Malaysia, Said (1988) menyatakan bahawa persembahan drama televisyen menyamai drama radio, di mana pada tahap awalnya drama televisyen berfungsi sebagai hiburan semata-mata. Bagaimanapun, sebagai satu bahan siaran yang diusahakan oleh agensi penyiaran, drama televisyen bukan sekadar memberi hiburan, tetapi juga akan menyalurkan mesej-mesej yang dikira sesuai untuk tatapan umum. Ini disebabkan drama juga mengandungi unsur-unsur berperanan sebagai pendidik, penyampai maklumat dan perangsang pemikiran. Drama juga mengandungi elemen-elemen dari kehidupan sebenar seperti elemen komunikasi. Maka selalunya persoalan atau tema yang dibawa secara sedar atau tidak itu, mempunyai kaitan dengan kehidupan harian yang biasa dilalui oleh penonton.

Di pihak penyiar pula, elemen ini merupakan satu asas mengeksploitasi drama yang hendak dipertontonkan kepada khalayak, namun drama drama mempunyai daya tarikannya tersendiri sebagai alat didikan sosial yang sungguh berpotensi.

RTM misalnya, mengeksploitasikan drama sebagai media penyampaian mesej seperti yang digambarkan melalui tema-tema drama televisyen yang berubah mengikut kehendak masa dan suasana sosio-politik. Jadual 1 menunjukkan perubahan pelbagai tema yang disiarkan melalui rancangan drama Melayu di televisyen Malaysia.

Jadual 1  
Perkembangan Tema-tema Drama Melayu di Televisyen Malaysia

Tahun	Tema (mesej)	Situasi	Siri Drama
1964 – 1969	Keagungan sejarah bangsa, semangat patriot	Konfrantasi kerajaan menyanggah dakwaan pihak yang memecah-belahkan bangsa	Tetamu Malam
1969 - 1979	Penyusunan semula masyarakat dan memupuk semangat perpaduan serta kekeluargaan	Rusuhan kaum 13 Mei 1969 dan kepincangan masyarakat	Siri drama seperti Potret Pekerti (1972 – 1975) dan Siri drama Jiran (1976)
1980 – 1989	Masalah sosial dan pendidikan sosial	Keruntuhan moral	Siri Drama Minggu Ini
1990 – kini	Budaya Korporat	Pembangunan Ekonomi negara	Sandiwara Semasa, Citrawara, Spektra

Berdasarkan drama pertama (Tetamu Malam) karya Norazah arahan Aziz Wok pada tahun 1964 itu, kita telah menonton drama Melayu di televisyen selama 33 tahun. Ini bermakna sudah pelbagai mesej yang telah disogokkan ke dalam minda kita sebagai suatu bentuk imej yang terbina.

Siri Drama Minggu Ini misalnya telah berfungsi melakukan satu gerakan mencerna pemikiran baru yang progresif kepada penonton dalam menghadapi cabaran pembangunan dan kesan-kesan kemajuan. Berbanding dengan drama masa kini yang memenuhi slot televisyen, didapati struktur idea Siri Drama Minggu Ini lebih simplisiti (Ku Seman, 1997) dan mendekati isu-isu khalayak. Tetapi menurut pemerhatian beliau, aliran mesej drama kini telah melupakan konsep pembentukan budaya sebagai agenda penerbitan drama sebaliknya lebih menekankan slot-slot drama yang membentuk imej materialisme melalui konsep “ke arah budaya korporat” ala barat. Ini membimbangkan kerana imej-imej orang Melayu dapat digambarkan sebagai satu daripada masyarakat di negara ini yang bersikap mementingkan kebendaan semata-mata.

Imej-imej positif orang Melayu sama ada dari segi sikap dan pemikiran mereka semakin diabaikan dalam drama Melayu. Persoalannya, adakah kebimbangan ini perlu berterusan tanpa adanya satu kajian kesan-kesan mesej dalam drama Melayu ke atas perubahan kognitif penonton?

## Kenyataan Masalah

Dalam menuju era maklumat, pelaburan ke atas media komunikasi semakin pesat. Bagaimanapun kehadiran media komunikasi yang dipenuhi oleh perisian atau kandungan yang tidak dapat membantu menyelesaikan permasalahan rakyat dan negara, merupakan satu pelaburan yang membazir dan merugikan (Samsudin, 1992). Oleh itu aspek perisian media seperti mesej dasar-dasar kerajaan (pembentukan budaya nasional), dan pembangunan jasmani serta rohani perlu dipersembahkan dengan lebih berkesan lagi.

Rancangan drama Melayu di televisyen pula merupakan bahan asas alternatif yang sesuai, yang boleh digunakan sebagai sumber bantu dalam sistem pendidikan media di negara ini. Drama Melayu dapat berperanan sebagai penyampai mesej kepada penonton. Mesej-mesej positif seperti budaya hidup sesuatu kaum perlu ditekankan sebagai satu bentuk saranan yang membina identiti bangsa. Bagaimanapun, pembinaan identiti bangsa ini memerlukan pembentukan imej di dalam kerangka pemikiran penonton.

Ku Seman (1997) mengemukakan satu isu yang melambangkan ketidaktepatan imej-imej yang dipaparkan melalui drama Melayu. Menurutnya, seorang pelajar tahun dua di sebuah universiti tempatan berkata “mereka buat cerita dogeng tentang kami”. Pelajar tersebut kurang senang dengan siri drama yang mengisahkan gelagat pelajar di sebuah institusi pengajian tinggi yang disifatkan

sebagai “bukan-bukan”. Pelajar hanya digambarkan sebagai insan yang bergelumang dengan persoalan cinta, bersuka-suka, leka mencari hiburan dan tidak membicarakan persoalan akademik. Citra sebenar masyarakat kampus tidak diutamakan. Ini boleh mengelirukan bukan hanya masyarakat Melayu sendiri, tetapi juga kaum-kaum lain yang terdapat di dalam dan luar negara ini.

Teori Kekesanan beranggapan pemupukan imej-imej dalam kerangka pemikiran penonton bergantung kepada kekerapan pendedahan penonton terhadap rancangan-rancangan televisyen. Bagaimanapun Fiske (1987) menyangkal teori ini kerana baginya hubungan antara penonton dengan televisyen lebih kepada satu bentuk interaksi. Persoalannya adakah tingkat interaksi penonton dengan drama Melayu menjadi satu faktor yang mempengaruhi perubahan kognitif penonton ?

Berdasarkan kenyataan masalah di atas, dapatlah disimpulkan bahawa kajian kesan media terutamanya dari sudut kesan mesej yang positif ke atas penonton (khususnya kesan kepada kognitif) masih kurang diambil perhatian. Oleh itu persoalan yang hendak dijawab melalui kajian ini ialah:

1. Setakat manakah tingkat interaksi penonton pada tahap menonton, membaca/menginterpretasi, dan mengguna drama Melayu yang ditayangkan di televisyen ?,
2. Apakah perubahan kognitif penonton drama televisyen ?, dan
3. Bagaimanakah hubungan perubahan kognitif penonton dengan tingkat interaksi mereka dengan drama televisyen?

## **Objektif Kajian**

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan perubahan kognitif penonton drama televisyen dengan tingkat interaksi mereka dengan mesej-mesej dalam drama tersebut.

Objektif khusus kajian ialah:

1. Mengenalpasti tingkat interaksi penonton dengan drama Melayu di televisyen,
2. Mengenalpasti perubahan kognitif penonton drama Melayu di televisyen, dan
3. Mengenalpasti hubungan di antara perubahan kognitif dengan tingkat interaksi penonton drama Melayu di televisyen.

## **Kepentingan Kajian**

Bidang penyiaran drama memerlukan rancangan drama yang bermutu untuk diterbitkan. Drama Melayu sewajarnya dapat menggambarkan identiti bangsa. Sehubungan itu hasil kajian ini dijangka akan memberi gambaran kesan mesej daripada drama kepada perubahan kognitif penonton. Ini dapat digunakan sebagai panduan penerbit drama Melayu dalam menerbitkan drama-drama yang boleh membentuk imej positif dan bertepatan dengan realiti masyarakat.



Panduan ini juga akan membantu strategi penyebaran mesej yang berkesan melalui media elektronik. Keberkesanan mesej bagi merubah kognitif penonton dapat didokong melalui pengetahuan pembuat drama mengenai tingkat interaksi yang berbeza-beza diaplikasikan sebagai asas strategi membentuk imej sama ada imej pemikiran atau imej sikap.

Kajian ini diharapkan dapat menguatkan saranan supaya pendidikan media dan drama sebagai bahan asas pembentukan imej identiti bangsa dapat dilaksanakan secepat mungkin di peringkat sekolah, di institusi pengajian tinggi dan di peringkat masyarakat umum.

### **Limitasi Kajian**

1. Kajian ini tidak melibatkan kesan kehadiran media sebagai faktor pengaruh kesan mesej yang disampaikan melalui drama Melayu di televisyen.
2. Kesan mesej kepada kognitif penonton terbatas kepada dimensi perubahan darjah ketepatan imej dari segi penambahan, pengekatan dan pengurangannya. Aspek kognitif lain seperti pentaakulan, kepercayaan dan ingatan tidak diambilkira.
3. Oleh kerana kajian ini dilaksanakan mengikut rekabentuk eksperimen, terdapat pelbagai faktor dimanipulasi dan beberapa angkubah dikawal, yang difikirkan mungkin menjadi kesan komunikasi. Antara angkubah yang tidak diambil kira adalah faktor personal dan situasional. Kajian juga tidak memfokuskan ciri-ciri responden atau penonton dengan mendalam.